



## **TEKS UCAPAN MAJLIS AMANAT TAHUN 2021**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**11 Januari 2021 (Isnin) | 10.00 pagi  
Dewan Serbaguna, Aras Bawah, Blok 4G1, Wisma Tani**

**'PERTANIAN MENJANA EKONOMI DAN  
MEMARTABATKAN SEKURITI MAKANAN NEGARA'**

[*SALUTASI*]

**YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah**  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I,

**YB Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi**  
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II,

**YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar),

**YBhg. Dr. Anis Bin Mahmud**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan),

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi MAFI,  
Setiausaha-Setiausaha Bahagian MAFI,  
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.  
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali di kesempatan ini saya ingin mengucapkan **Selamat Tahun Baru** kepada seluruh warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Terima kasih juga di atas penganjuran **Majlis Amanat Tahun 2021** ini. Walaupun norma baharu membataskan kita untuk sama-sama berkumpul seperti ini, tetapi kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, walaupun hanya secara atas talian, amatlah saya hargai.
2. Kita sedia maklum bahawa Kementerian kita ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan negara. Sumbangan pertanian, khususnya sektor agromakanan kepada ekonomi dapat dilihat apabila berjaya mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang **positif pada suku ketiga tahun 2020 sebanyak 1.1%** walaupun KDNK negara secara keseluruhannya menguncup berikutan ketidaktentuan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang kita hadapi ini.
3. Maka, tema yang diangkat hari ini, iaitu **'Pertanian Menjana Ekonomi Dan Memartabatkan Sekuriti Makanan Negara'** adalah manifestasi peranan MAFI sebagai penjamin bekalan makanan negara supaya sentiasa mencukupi dan tersedia kepada semua rakyat Malaysia.
4. Seiring dengan itu juga, Kementerian ini yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), telah dijenamakan semula sebagai **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan** atau **MAFI** sebaik sahaja Kerajaan baharu terbentuk. Penjenamaan ini datang dengan mandat, pertambahan fungsi serta tanggungjawab baharu bagi menerajui rantai nilai makanan secara keseluruhannya.

#### **Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

5. Tahun 2020 yang kita tinggalkan merupakan tahun yang penuh dengan cabaran bagi kepimpinan negara khususnya apabila Negara berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19. Penularan wabak COVID-19 merupakan satu keadaan yang tidak pernah kita hadapi sebelum ini. Ianya bukan sahaja memberikan impak kepada sistem kesihatan seluruh dunia malah ekonomi global juga terjejas teruk, dan ternyata Malaysia juga tidak terkecuali.
6. Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar, khususnya pada peringkat awal pelaksanaan **Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** di mana kelancaran rantai makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.
7. Namun, pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan

apa yang penting, sepanjang masa, kita telah memastikan bahawa makanan untuk rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi dan stabil. Sektor pertanian dan industri makanan telah diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu telah dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal sehingga sekarang.

8. Kita masih belum lagi bebas daripada ancaman COVID-19 ini dan kita harus terus memastikan kelancaran rantai dan jaminan makanan untuk rakyat dalam apa jua keadaan.

**Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

9. Kerajaan pada hari ini di bawah **kepimpinan YAB Perdana Menteri amat komited** dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambahkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan teknologi moden dalam sektor pertanian dan pengurangan kebergantungan kepada import sekaligus untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.
10. Wajar sekiranya kita singkap kembali beberapa kejayaan telah dicapai oleh Kementerian pada tahun 2020. Antaranya, MAFI telah mendapat mandat daripada Jemaah Menteri pada 25 Mac 2020 untuk menubuhkan **Jawatankuasa Kabinet Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Malah, ini adalah Jawatankuasa Kabinet yang pertama dibentuk dibawah Kerajaan Perikatan Nasional. Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara menyeluruh dan holistik.
11. Untuk makluman warga MAFI, dalam usaha menyokong **pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara**, satu pelan tindakan khusus sedang dibangunkan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran di sepanjang rantai bekalan makanan. **Pelan tindakan ini akan dilancarkan dalam masa terdekat setelah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.**

**Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

12. Bagi memperkasakan lagi peranan pertubuhan peladang, saya telah meluluskan pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 untuk **mengembalikan kuasa memilih kepimpinan peladang kepada ahli-ahli peladang sendiri** sepertimana Peraturan yang terdahulu. Sehubungan dengan itu, **Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan 2020)** yang baharu telahpun mula berkuatkuasa dari **1 Januari 2021.**

13. Seterusnya, MAFI juga telah menambahbaik proses pengedaran benih padi sah dengan inisiatif-inisiatif yang baharu antaranya MAFI telah melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai **pemborong tunggal dalam program inisiatif benih padi sah dan juga penetapan harga siling benih padi sah pada paras RM35 per beg**. Inisiatif-inisiatif ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang serta mengelak dominasi mana-mana pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya, dan sektor padi dan beras secara umumnya.
14. Sebagai pelengkap, MAFI turut diperuntukkan **RM640 juta** melalui **Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)** dan **Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)** bagi melonjakkan kembali industri yang berteraskan pertanian serta bagi membolehkan mereka yang terkesan kembali pulih bagi meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing. Melalui pakej-pakej ini, isu lambakan hasil pertanian yang tidak dapat dijual berjaya diatasi dengan program pembelian semula, dan peluang kerja baharu dapat dicipta kepada individu yang kehilangan pekerjaan dengan pengenalan program **MyFuture Agro**.
15. **Pelaksanaan Projek Pertanian Kebuniti** juga telah mendapat sambutan baik daripada Masyarakat Malaysia. Program ini membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan membantu dalam menjamin keselamatan makanan terutamanya kepada penduduk bandar dan pinggir bandar. Bagi tahun 2021, inisiatif ini bakal diteruskan dengan agihan peruntukan berjumlah **RM30 juta** di bawah **Program Kebuniti 2.0**. Ini akan memberikan manfaat yang lebih besar kepada rakyat khususnya kepada golongan B40.
16. Pada tahun 2020, MAFI juga telah membantu **1,149 orang agropreneur muda** dengan jumlah bantuan sebanyak **RM21.74 juta**. Bantuan yang diberikan juga telah **meningkat** berbanding tahun 2019 dan 2018. Saya dimaklumkan, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, sebanyak **78%** daripada penerima geran telah berjaya meningkatkan pendapatan daripada RM500 hingga RM5,000 sebulan. Daripada jumlah tersebut, seramai **20.7%** dapat meningkatkan pendapatan melebihi **RM5,000 sebulan**. Program ini akan terus dipergiatkan bagi terus menggalakkan penyertaan golongan muda dalam sektor agromakanan.
17. Terdapat pelbagai skim, program dan insentif yang komprehensif telah diumumkan oleh Kerajaan dan Kementerian mesti terus memainkan peranan dalam memastikan semua inisiatif-inisiatif ini sampai dengan segera serta menyeluruh kepada golongan sasaran.

## Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,

18. Bagi tahun 2021 ini, perkara pertama yang ingin saya tekankan adalah mengenai **Belanjawan 2021**, di mana MAFI telah diamanahkan peruntukan berjumlah **RM4.79 bilion**, selaras dengan usaha Kerajaan untuk memulihkan setiap peringkat rantai bekalan makanan dan pada masa yang sama terus memberi perhatian khusus kepada kebajikan golongan petani, penternak dan nelayan.
19. **Jumlah subsidi dan insentif** yang diterima pada tahun 2021 meningkat **0.4%** berbanding tahun sebelum ini iaitu **RM570 juta** untuk subsidi harga padi dan **RM960 juta** diperuntukkan untuk subsidi tanaman padi termasuk subsidi baja padi bukit yang diperkenalkan semula sebanyak **RM40 juta**. Keseluruhan subsidi dan insentif bagi sektor padi ini akan memanfaatkan **300,000 pesawah** di seluruh negara.
20. Manakala bagi golongan nelayan pula, sebagaimana pengumuman YAB Perdana Menteri sebelum, peningkatan elaun sara hidup nelayan laut daripada **RM250 kepada RM300** sebulan akan memanfaatkan **40,000 nelayan** dan peningkatan elaun sara hidup nelayan darat daripada **RM200 kepada RM250** pula akan memanfaatkan **3,400 nelayan**.
21. MAFI juga telah diberikan peruntukan khas **Dana Jaminan Makanan berjumlah RM410 juta** bagi meneroka potensi baharu dalam pertanian berskala komersial melalui tujuh inisiatif utama seperti yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.
22. Saya ingin berpesan kepada seluruh warga MAFI supaya memastikan peruntukan Belanjawan 2021 ini dapat kita terjemahkan kepada pelbagai program dan projek pembangunan berimpak tinggi supaya rakyat dapat merasai kesan daripada limpahan ekonomi pertanian.
23. Tahun 2021 ini juga merupakan tahun pertama bagi **Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)** yang mana MAFI akan memberi tumpuan kepada sektor perniagaan agromakanan baharu dan industri pertanian bernilai tinggi yang mampu mencipta peluang ekonomi kepada rakyat.
24. MAFI juga sedang menggubal **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030** atau **DAN 2.0** yang dijangka selesai pada bulan Februari 2021. Melalui DAN 2.0, MAFI akan menyusun semula keutamaan dalam menggerakkan teras-teras utama bagi memperkasakan sektor pertanian dan industri makanan melalui kerangka yang bertunjangkan prinsip yang spesifik iaitu:
  - i. daya saing yang tinggi dan inovatif,
  - ii. memastikan kebajikan petani, nelayan dan penternak terus dibela; dan

- iii. menjamin pengeluaran makanan yang mampan bagi padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan, dan perikanan.
25. Seterusnya, berkenaan penangguhan MAHA 2020, tarikh baharu MAHA akan disesuaikan semula dengan mengambil kira tarikh pelaksanaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021. Aspirasi saya supaya **MAHA 2020 dan HPPNK 2021** dapat menarik lebih daripada 100,000 penyertaan hibrid, sekaligus mampu menghasilkan potensi nilai jualan lebih RM300 juta termasuk padanan perniagaan seperti yang disasarkan.
  26. Pada hari ini juga, selaras dengan usaha untuk merealisasikan aspirasi Kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti, saya akan melancarkan Kalam Anti Rasuah MAFI (KARMA 2021-2025). Dokumen anti rasuah peringkat Kementerian dengan visi - "**Peneraju Pertanian Dan Industri Makanan Berintegriti, Telus Dan Mesra Rakyat**" adalah bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP).
  27. Bagi memastikan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan jayanya, komitmen warga MAFI dan sokongan semua pihak adalah amat diperlukan agar imej MAFI dalam perkhidmatan awam terus meningkat.

#### **Hadirin Yang Saya Hormati Sekalian,**

28. Pendekatan-pendekatan **baharu dan di luar kebiasaan** diperlukan bagi memastikan Kementerian ini dapat menghadapi cabaran-cabaran sekuriti makanan termasuk menghadapi cabaran masa kini yang disebabkan oleh wabak COVID-19. Kita mesti terus memberikan penekanan yang lebih bagi penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi, pembangunan model pertanian moden, pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan *Internet of Things* (IoT) dan sebagainya sejajar dengan **Revolusi Industri 4.0**.
29. Selain itu, saya juga berharap MAFI akan menjadi Kementerian yang **mesra perniagaan** dan berupaya **menarik pelaburan** ke dalam sektor agromakanan yang memberikan sumbangan kepada ekonomi negara. Semua jabatan dan agensi MAFI yang terlibat perlu bekerja secara berpasukan bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan memenuhi kehendak *stakeholders* atau pihak-pihak berkepentingan.
30. Dalam hal ini, saya minta kepimpinan tertinggi Kementerian, Jabatan dan agensi Kementerian untuk **menyemak semula peraturan dan prosedur sedia ada** yang tidak relevan, bertindih serta membebankan supaya dipermudahkan selaras dengan pembudayaan dan amalan norma baharu pasca COVID-19. Ini adalah juga selaras dengan seruan

YAB Perdana Menteri di mana birokrasi dan isu pentabiran tidak boleh menjadi penghalang kepada pemulihan ekonomi negara.

31. Saya percaya dengan kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh setiap jabatan dan agensi akan dapat dimanfaatkan dengan optimum dan akan memberikan impak yang besar kepada golongan sasaran sekiranya kita **memberi perkhidmatan secara berpasukan**.
32. Sejak hari pertama di Kementerian, saya telah memberitahu bahawa kita di Kementerian adalah sama seperti **satu pasukan bola sepak**, di mana saya dan Timbalan-Timbalan Menteri adalah pemain-pemain baharu, dan semua pemain mempunyai peranan masing-masing dan sama-sama kita bergerak kearah satu aspirasi yang sama iaitu bagi mempertingkatkan daya saing industri ini agar dapat membolehkannya menghadapi segala cabaran baharu di peringkat domestik mahupun antarabangsa.
33. Akhir kata, saya yakin dengan sokongan daripada semua warga MAFI, kita bersama-sama akan dapat memartabatkan sektor agromakanan dan sekuriti makanan negara serta membela warga tani keseluruhannya.

**Sekian, terima kasih.**